

# LAWATAN KERJA KHAS PANGLIMA TENTERA UDARA KE PANGKALAN UDARA SUBANG

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3236-lawatan-kerja-khas-panglima-tentera-udara-ke-pangkalan-udara-subang](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3236-lawatan-kerja-khas-panglima-tentera-udara-ke-pangkalan-udara-subang)

SUBANG, 28 Mac 18 – “Warga TUDM haruslah mengambil peluang dan kesempatan ke atas inisiatif yang ditawarkan oleh Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan setiap warga TUDM khasnya dan ATM amnya”, kata Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato’ Sri Hj Affendi bin Buang TUDM semasa sesi dialog bersama warga TUDM di Pangkalan Udara Subang.

Antara inisiatif yang disebutkan oleh Panglima Tentera Udara adalah berkenaan Amanah Saham Bumiputera Zulu (ASB-Z) yang memberi manfaat pelaburan yang besar kepada anggota. Selain itu, beliau juga turut menerangkan berkenaan bantuan kerajaan Program 1 Anggota 1 Rumah (SASAR) yang akan dibina di Sg. Besi dan pelanjutan tempoh perkhidmatan 21 tahun terus ke 26 tahun dalam membantu anggota mencapai pencapaian maksimum 60% serta faedah persaraan yang lebih tinggi. Disamping itu juga, beliau turut mendengar dan membincangkan isu-isu berbangkit yang diketengahkan oleh warga pangkalan.

Dalam majlis yang sama, Panglima Tentera Udara turut menyempurnakan majlis penyampaian Sijil Kepujian kepada 10 orang anggota dan seorang kakitangan awam Pangkalan Udara Subang yang telah menyumbang jasa terhadap TUDM.

Turut hadir dalam Lawatan Kerja Khas ini adalah Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM; AKS P&P, Mej Jen Dato’ Dzulkarnain bin Hj Ahmad TUDM; AKS Kejuruteraan, Mej Jen Dato’ Ir Razai bin Abd Ghani TUDM; Komander Pangkalan, Brig Jen Dato’ Shamsudin bin Kassim TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan TUDM yang lain.





